



Pencapaian ini bukan sekadar kejayaan klinikal – ia menandakan permulaan era baharu dalam perkhidmatan onkologi ginekologi berteknologi tinggi di HoSZA. Melalui teknik pembedahan invasif minimum, kami kini dapat menawarkan kepada pesakit tempoh pemulihan yang lebih singkat, risiko komplikasi yang lebih rendah, dan kualiti hidup yang lebih baik, walaupun bagi kes-kes kanser yang mencabar.

Tahniah kepada seluruh pasukan pelbagai disiplin atas pencapaian cemerlang ini, yang menetapkan penanda aras baharu dalam perjalanan menuju kecemerlangan!



PENCAPAIAN BERSEJARAH BAGI BAHAGIAN GYNAE-ONKOLOGI, JABATAN OBSTETRIK & GINEKOLOGI, HOSZA

13 OGOS 2025 | KUALA NERUS

Hari ini menandakan satu kejayaan besar bagi Jabatan O&G HoSZA atas kejayaan pelaksanaan pembedahan “Total Laparoscopic Hysterectomy with Bilateral Salpingo-Oophorectomy” yang pertama di HoSZA, dilakukan untuk pesakit yang didiagnosis dengan “choriocarcinoma”.

Prosedur yang kompleks ini telah diketuai dengan penuh kepakaran oleh Pakar Gynae-Onkologi, Dr. Alik Riasadesa Zakaria, bersama Ketua Jabatan O&G, Dr. Ramli Ibrahim, dengan sokongan penuh daripada pegawai perubatan yang berdedikasi.

Setinggi-tinggi penghargaan turut diucapkan kepada pasukan Jabatan Anaesthesiologi dan Rawatan Intensif yang diketuai oleh Dr Mohd Ramzi Abdul Alam atas kepakaran mereka memastikan keselamatan pesakit berada pada tahap optimum dan kelancaran penjagaan sepanjang prosedur.

PROGRAM KPT PRIHATIN MADANI - CAREGIVERS OF CHILDREN WITH SPECIAL NEEDS WORKSHOP

14 OGOS 2025 | KUALA NERUS





Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA) hari ini bergema dengan semangat patriotisme sempena Perasmian Sambutan Bulan Kemerdekaan HoSZA, Program Jelajah HoSZA & KPT Prihatin Madani Mobile Health Screening 2025.

Majlis dimulakan dengan Lagu Negaraku, Lagu UniSZA, dan Bacaan Ikrar Rukun Negara diikuti ucapan aluan oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Salwani bt Ismail, Pengarah HoSZA, ucapan oleh YBhg. Dato' Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hafiz bin Yusoff Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Mewakili Naib Canselor UniSZA.

Majlis hari ini lebih bermakna dan meninggalkan kemanisan tersendiri apabila Pro Canselor UniSZA, YM. Tunku Datuk Nooruddin Tunku Dato' Seri Shahabuddin, hadir merasmikan sambutan. Kehadiran YM. Tunku bukan sahaja menyerikan suasana, malah memberi suntikan semangat dan inspirasi kepada seluruh warga HoSZA. Usai ucapan, majlis diteruskan dengan penyerahan bendera kepada Ketua Konvoi Jelajah HoSZA ke Kg Pulau Duyong dan Skuad HoSZA Tawan Kinabalu Merdeka 2026.

Acara turut diserikan dengan Deklamasi Sajak Kemerdekaan oleh pegawai jururawat dan pembantu perawatan kesihatan, serta Persembahan Koir oleh barisan petugas kesihatan HoSZA yang mempersembahkan lagu bertemakan kemerdekaan dengan penuh rasa cintakan tanah air.

Kemuncak majlis menyaksikan pemasangan bendera pada tujuh aset rasmi HoSZA yang akan digunakan dalam Program Jelajah HoSZA dan KPT Prihatin Madani Mobile Health Screening 2025 bagi menjelajah ke pelbagai lokasi membawa khidmat kesihatan kepada masyarakat.

Bendera turut dipasang pada lima buah kereta dan lima buah motosikal staf HoSZA sebagai simbol semangat patriotisme & kesatuan warga hospital dalam menyemarakkan sambutan kemerdekaan tahun ini!

SESI PENGUKUHAN KEMAHIRAN PENGURUSAN PEJABAT BAGI KAKITANGAN JABATAN BEKALAN BAHAN STERIL (CSSD)

14 OGOS 2025 | KUALA NERUS

Jabatan Bekalan Bahan Steril (CSSD) telah diberikan latihan daripada Unit Governan, Jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran bagi sesi pengukuhan kemahiran Pengurusan Pejabat. M

Seramai 7 orang Pembantu Perawatan Kesihatan hadir ke sesi pengukuhan kemahiran ini pada 10 Julai 2025 yang lalu. Sesi latihan ini telah diberikan oleh Encik Mohd Usairi bin Mohamed Zainuddin (Penolong Pegawai Tadbir). Sesi latihan dimulakan dengan pendedahan berkenaan keperluan menguruskan rekod dan fail serta cara penulisan surat rasmi.

Pada 14 Ogos 2025, seramai 7 orang Jururawat telah hadir. Sesi ini diberikan oleh Puan Norsuhaila binti Sulong (Pegawai Tadbir) dan dibantu oleh Cik Nor Farzana binti Mohd Shukri (Penolong Pegawai Tadbir). Sesi latihan dimulakan dengan pendedahan berkenaan templat dan cara penulisan kertas kerja yang betul dan tepat.



PESANAN INTEGRITI MESYUARAT PENGURUSAN HOSPITAL SULTAN ZAINAL ABIDIN (MPHU)

26 OGOS 2025 | KUALA NERUS

Pada 26 Ogos 2025, Pengarah Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA) telah menyampaikan Pesanan Integriti sebelum memulakan Mesyuarat Pengurusan Hospital Sultan Zainal Abidin (MPHU). Amalan ini digalakkan untuk diterapkan di semua jabatan HoSZA sebelum memulakan mesyuarat masing-masing.

Pesanan yang disampaikan adalah seperti berikut:

"Pesanan Integriti pada hari ini adalah mengenai amanah dalam tugas. Setiap tanggungjawab yang diberikan kepada kita merupakan satu amanah yang wajib dipelihara. Allah SWT berfirman dalam Surah An-Nisa' ayat 58: 'Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menunaikan amanah kepada yang berhak menerimanya...'

Amanah bukan sekadar melaksanakan kerja, tetapi menunaikannya dengan penuh kejujuran, ketekunan dan rasa tanggungjawab. Apabila kita menjaga amanah, maruah diri akan terpelihara, keberkatan akan diperoleh, dan kepercayaan organisasi terhadap kita semakin kukuh.

Marilah kita melaksanakan setiap tugas dengan hati yang bersih dan niat kerana Allah SWT, agar pekerjaan kita menjadi ibadah yang diberkati."



LAWATAN DUTA JEPUN KE HOSPITAL SULTAN ZAINAL ABIDIN (HOSZA)

27 OGOS 2025 | HOSZA

Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA) berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada Duta Jepun pada 27 Ogos 2025.

Lawatan ini bertujuan mengeratkan hubungan dua hala dalam bidang kesihatan serta membuka peluang kerjasama pada masa hadapan. Pihak hospital turut berpeluang berkongsi perkhidmatan, kepakaran dan kemudahan kesihatan yang ditawarkan di HoSZA.

Penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada Duta Jepun atas kesudian melawat HoSZA. Semoga jalinan kerjasama ini memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.





KUNJUNGAN HORMAT HOSPITAL SULTAN ZAINAL ABIDIN (HOSZA) KE JABATAN KESIHATAN NEGERI TERENGGANU (JKNT)

27 JUN 2025 | KUALA NERUS

HoSZA telah mengadakan kunjungan hormat ke Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) pada 27 Ogos 2025 (Rabu), jam 2.30 petang bertempat di Bilik Mesyuarat Utama JKNT.

Tujuan kunjungan ini adalah untuk mengeratkan kerjasama dan sama-sama memperkuat perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Terengganu.



JABATAN PATOLOGI & MAKMAL PERUBATAN (JPMP) HOSZA ANJUR BENGKEL MS ISO 15189:2022 SIRI 4 "EFFICIENT & COMPLIANT: PRACTICAL APPROACHES TO DOCUMENT CONTROL AND RISK MANAGEMENT" 25 OGOS 2024 | KUALA NERUS

Kuala Nerus, 25 Ogos 2025 - JPMP dengan kerjasama Jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran, HoSZA telah mengadakan Bengkel Tambahan MS ISO

15189:2022 Siri 4 "Efficient and Compliant: Practical Approaches to Document Control and Risk Management" bertempat di Kompleks Pendidikan Perubatan Ibnu Sina, HoSZA.

Bengkel ini dipengerusikan oleh Dr. Hafizuddin Mohamed Fauzi merangkap pengurus kualiti makmal dan dibantu oleh barisan kakitangan makmal yang lain.

Program telah dijayakan dengan pengisian ceramah oleh penceramah jemputan yang berpengalaman iaitu Puan Ainon Fauziah binti Shamsuddin, Pegawai Sains Kimia Hayat dari Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) dan Dr. Ehram bin Jamian, Pakar Perubatan Hematologi dari Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru (HSAJB).

Peserta bengkel terdiri daripada kakitangan JPMP iaitu Pakar Patologi, Pegawai Perubatan, Pegawai Sains, Juruteknologi Makmal Perubatan, Pembantu Tadbir dan Pembantu Perawatan Kesihatan.

Antara pengisian bengkel ini adalah kefahaman lebih mendalam berkaitan pengurusan dan kaedah pengawalan dokumen (document controller) menurut piawaian MS ISO 15189:2022 dalam pengoperasian makmal perubatan.

Perhatian menyeluruh turut

diberikan kepada aspek pengurusan risiko (risk management) bagi membolehkan semua unit makmal dalam JPMP mengambil langkah proaktif dalam mencegah dan mengawal risiko yang boleh memberi kesan terhadap pesakit.

Pelaksanaan bengkel ini adalah sebahagian daripada usaha JPMP dalam mendapatkan persijilan akreditasi MS ISO 15189:2022 bagi memastikan perkhidmatan makmal oleh JPMP mengikut piawaian nasional dan antarabangsa.

Semoga segala ilmu yang diperoleh

dapat dijadikan panduan bagi penambahbaikan berterusan dalam memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada pesakit dan pelanggan JPMP.



PROGRAM KPT PRIHATIN MADANI MOBILE HEALTH SCREENING & SAMBUTAN HARI PEMBANTU PERUBATAN 2025 PERINGKAT HOSZA

4 SEPTEMBER 2025 | HOSZA

Kuala Nerus | 4 September 2025 - Sempena Sambutan Hari Pembantu Perubatan Peringkat HoSZA, Unit Penyeliaan Hospital telah menganjurkan Program KPT Prihatin Madani Mobile Health Screening melibatkan dua buah sekolah, iaitu Sekolah Kebangsaan Kompleks Mengabang Telipot dan Sekolah Kebangsaan Pecah Rotan.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah (Sokongan), YM Dr. Engku Narzini binti Raja Omar. Turut hadir ialah Dr. Zulkifli bin Abu Bakar, Ketua Program Sarjana Muda Sains Perubatan Kesihatan (BMHS) UniSZA, Dr. Mohd Salami bin Ibrahim, Pensyarah Perubatan UniSZA, En. Razali bin Muda, Guru Besar SK Kompleks Mengabang Telipot dan En. Mohd Affan bin Salleh, Guru Besar SK Pecah Rotan.

Seramai 100 orang pelajar daripada kedua-dua sekolah telah menyertai program ini yang merangkumi aktiviti saringan kesihatan dan pembelajaran teknik CPR.

Ceramah Pemakanan Sihat telah disampaikan oleh Dr. Che Suhaili binti Che Taha, Ketua Jabatan Dietetik & Sajian, HoSZA. Ceramah Rawatan Cardiopulmonary Resuscitation (CPR) disampaikan oleh Dr. Azlie bin Hassan, Pakar Perunding Perubatan Kecemasan HoSZA.

Program Derma Darah turut berjalan sepanjang program dengan kerjasama Unit Tabung Darah Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada penceramah-penceramah jemputan atas perkongsian ilmu yang bernilai dan seluruh peserta yang hadir serta memberikan komitmen penuh serta barisan urus setia dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini.



7 SEPTEMBER 2025 | HOSZA



7 September 2025 | HoSZA telah berjaya memulakan Prosedur Implant Pacemaker (perentak jantung atau alat pacu jantung).

Prosedur ini iaitu alat perubatan kecil yang ditanam di dalam tubuh, biasanya di bawah kulit dada, untuk mengawal dan menormalkan degupan jantung yang tidak teratur, terlalu perlahan, atau terlalu laju. Peranti ini menghantar impuls elektrik ke jantung melalui wayar elektrod untuk memastikan jantung berdegup pada kadar yang betul.

Prosedur rawatan ini diketuai oleh Dr. Ahmad Wazi bin Ramli, Pakar Perunding Kardiologi (Pakar Pelawat) dari Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) dan dibantu oleh Pakar Perubatan HoSZA, Dr. Al Mizan bin Mustapa @ Ab Rahim, pegawai perubatan, cardiovascular technologist (CVT), juru x-ray, jururawat dan ppk HoSZA.

Kami optimis lebih ramai pesakit akan menerima manfaat daripada perkhidmatan kardiologi di HoSZA ini.

Terima kasih atas sokongan dan kerjasama semua pihak! Doakan kami terus memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk kesihatan rakyat Terengganu dan sekitarnya.



LAWATAN PENANDA ARAS DARI HOSPITAL UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (HUMS) KE HOSPITAL SULTAN ZAINAL ABIDIN (HOSZA)

7 SEPTEMBER 2025 | KUALA NERUS

Pada 7 September 2025, satu lawatan penanda aras dari Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS) telah diadakan di Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA). Lawatan diketuai oleh Puan Saima binti Ismail, Timbalan Pengarah (Kewangan), Bahagian Kewangan HUMS, dan disambut mesra oleh Prof. Madya Dr. Nik Ahmad Shaiffudin bin Nik Him, Timbalan Pengarah (Klinikal), HoSZA.

Tujuan lawatan ialah untuk berkongsi pengalaman serta amalan terbaik berkaitan pengurusan Jabatan Kewangan, Unit Kerja Sosial Perubatan (UKSP) dan Jabatan Pembangunan Perniagaan & Pelaburan. Antara aktiviti yang dijalankan ialah sesi taklimat, sesi perkongsian pengalaman, lawatan dan sesi soal jawab.



HOSPITAL SULTAN ZAINAL ABIDIN (HOSZA) TELAH MENERIMA LAWATAN DARIPADA DELEGASI PETRONAS

10 SEPTEMBER 2025 | KUALA NERUS

Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA) telah menerima lawatan daripada delegasi Petronas yang diketuai oleh Dr. M Nasir Sulaiman, Custodian (Occupational Health).

Ketibaan delegasi telah disambut oleh Prof. Madya Nik Ahmad Shaiffudin bin Nik Him, Timbalan Pengarah Klinikal HoSZA, bersama Ketua Jabatan Kecemasan dan Trauma serta kakitangan HoSZA.

Lawatan ini merangkumi sesi taklimat, penerangan serta tinjauan ke beberapa fasiliti bagi memperkenalkan fungsi, keupayaan dan perkhidmatan yang ditawarkan HoSZA untuk menyokong keperluan kesihatan warga Petronas.

HoSZA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Petronas atas kunjungan ini.

Semoga kerjasama yang terjalin dapat memberi manfaat dalam memperkukuh bidang kesihatan dan keselamatan pekerjaan.



ZIARAH MAHABBAH SEMPENA MAULIDUR RASUL

PIHAK PENGURUSAN HOSPITAL SULTAN ZAINAL ABIDIN (HOSZA)

11 SEPTEMBER 2025 | KUALA NERUS



Hari ini, pihak pengurusan Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA) telah melaksanakan Program Ziarah Mahabbah bersempena sambutan Maulidur Rasul 1447H. Program ini menjadi wadah untuk menzahirkan kasih sayang, keprihatinan, dan doa kesejahteraan kepada para pesakit.

Selain itu, pihak pengurusan turut menyampaikan cenderahati sebagai tanda penghargaan dan sokongan moral kepada pesakit. Bacaan doa pula telah dipimpin oleh Unit Hal Ehwal Islam, HoSZA, bagi memohon kesejahteraan, kesembuhan para pesakit, serta kelancaran urusan hospital.

Semoga semangat Maulidur Rasul mengingatkan kita kepada teladan kasih sayang Rasulullah SAW, sekali gus memperkukuh budaya prihatin dan kebersamaan dalam kalangan warga HoSZA.

HOSZA BERSAMA HOSPITAL PAKAR USM (HPUSM) MELATIH 15 BELIA ORANG ASLI DI POS HAU SEBAGAI BARISAN HADAPAN PERUBATAN KECEMASAN

15 SEPTEMBER 2025 | KUALA NERUS



GUA MUSANG, 15 September 2025 | HoSZA bersama Hospital Pakar USM (HPUSM) melatih 15 belia Orang Asli di Pos Hau sebagai barisan hadapan perubatan kecemasan.

Latihan ini bertujuan membolehkan komuniti pedalaman memberi rawatan awal seperti CPR, rawatan luka, kepatahan, tercekik dan penjagaan kesihatan mulut sebelum pesakit dibawa ke pusat kesihatan.

Program ini menjadi pemindahan ilmu berharga kepada komuniti setempat dan para peserta kini dilantik sebagai duta perubatan kecemasan di kampung masing-masing.

Pihak HoSZA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua tenaga pengajar, sukarelawan, serta komuniti Pos Hau yang menjayakan program ini.

KUNJUNGAN HORMAT YAYASAN DIRAJA SULTAN MIZAN (YDSM) KE UNISZA PERKUKUH JALINAN KERJASAMA

17 SEPTEMBER 2025 | KUALA NERUS

Kuala Nerus, 17 September 2025 – Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menerima kunjungan hormat daripada delegasi Yayasan Diraja Sultan Mizan (YDSM) dalam satu sesi pertemuan yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama, Pejabat Naib Canselor, hari ini.

Delegasi YDSM yang diketuai oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Fadzli bin Yusof bersama dua lagi Ahli Lembaga Pemegang Amanah, YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi bin Mustaffa dan YBhg. Dato' Dr. Che Ab. Rahim bin Nik serta eksekutif, En. Mohd Faizul bin Ismail, telah disambut mesra oleh barisan Pengurusan Tertinggi UniSZA yang diketuai oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Fadzli bin Adam.

Majlis dimulakan dengan sesi menandatangani buku pelawat, diikuti dengan ucapan aluan daripada Dato' Naib Canselor UniSZA. Delegasi YDSM turut menyampaikan ucapan balas sebelum sesi perbincangan dua hala dijalankan.

Pertemuan ini turut menyaksikan pertukaran cenderamata antara kedua-dua pihak dan diakhiri dengan sesi fotografi serta jamuan makan tengah hari.

Kunjungan ini diharap dapat memperkukuh hubungan strategik antara YDSM dan UniSZA dalam pelbagai bidang yang berpotensi untuk kerjasama pada masa hadapan.



Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, HoSZA atas kejayaan melaksanakan pembedahan pertama Vaginal Hysterectomy dan Cystocele Repair bagi kes Uterine Prolapse dan Moderate Cystocele.

Pembedahan ini telah diketuai oleh Dr. Alik Riasadesa bin Zakaria dan Dr. Wan Abu Bakar bin Wan Yusof, dengan kerjasama erat daripada Jabatan Anaesthesiologi & Rawatan Intensif yang diketuai oleh Dr. Tengku Abdul Kadir bin Tengku Zainal Abidin serta seluruh pasukan yang terlibat.

Syabas dan tahniah atas kejayaan ini. Semoga pencapaian ini menjadi pemangkin semangat untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan dan memberi manfaat yang besar kepada para pesakit.



PROGRAM KESIHATAN SATELIT KOMUNITI WARGA EMAS (PKSK-WE) ANJURAN BERSAMA PUSAT GERONTOLOGI GRACE, FAKULTI PERUBATAN UNISZA, HOSPITAL SULTAN ZAINAL ABIDIN (HOSZA) DAN PERSATUAN PESARA PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN CAWANGAN TERENGGANU (5PMCT) TELAH BERLANGSUNG DENGAN JAYANYA DI MASJID PUTERA JAYA, BANDAR PERMAISURI, SETIU.

25 SEPTEMBER 2025 | KUALA NERUS

Bandar Permaisuri, 25 September 2025 – Program Kesihatan Satelit Komuniti Warga Emas (PKSK-WE) anjuran bersama Pusat Gerontologi GRACE, Fakulti Perubatan UniSZA, Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA) dan Persatuan Pesara Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Cawangan Terengganu (5PMCT) telah berlangsung dengan jayanya di Masjid Putera Jaya, Bandar Permaisuri, Setiu.

Seramai 80 peserta warga emas menyertai pemeriksaan kesihatan komprehensif I-COPE merangkumi aspek fizikal, nutrisi, mobiliti, mental, kognitif, penglihatan dan pendengaran. Peserta yang memerlukan rawatan lanjut telah dirujuk ke hospital berdekatan, termasuk ke HoSZA.

Program turut diserikan dengan ceramah kesihatan warga emas oleh Prof Madya Dr Aniza binti Ab Aziz, Pengerusi Pusat Gerontologi GRACE, Fakulti Perubatan UniSZA berkenaan kepentingan pemeriksaan dan penjagaan kesihatan bagi warga emas.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pegawai dan kakitangan HoSZA serta Fakulti Perubatan UniSZA yang menjayakan program ini.

Semoga usaha ini memberi manfaat besar kepada warga emas, seiring dengan aspirasi Penuaan Sejahtera di Komuniti.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR SK PUSAT BUKIT BESAR KE HOSPITAL SULTAN ZAINAL ABIDIN (HOSZA)

1 OKTOBER 2025 | KUALA NERUS

Hari ini, Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA) telah menerima kunjungan lawatan sambil belajar daripada Sekolah Kebangsaan Pusat Bukit Besar.

Program ini berfokus kepada amali solat ketika sakit yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Tadbir, Unit Hal Ehwal Agama HoSZA.

Slot pertama: Penerangan teori mengenai kaedah solat ketika sakit

Slot kedua: Latihan praktikal bersama murid-murid

Semoga program ini memberi kefahaman dan pengalaman berharga kepada para pelajar dalam melaksanakan ibadah solat walaupun ketika sakit, serta menyuburkan kesedaran bahawa Islam itu memudahkan dan penuh rahmat.



5 OKTOBER 2025 | KUALA NERUS

Kuala Terengganu – Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah mengadakan Majlis Perasmian untuk Konferens Kebangsaan KHUAM Ke-7 bertemakan “Revolutionizing Healthcare through Digital Transformation: Innovations, Challenges and Opportunities” di Grand Ballroom, Primula Beach Hotel, Kuala Terengganu.

Tema konferens tahun ini menyoroti keperluan mendesak dan potensi besar transformasi digital dalam sektor penjagaan kesihatan.

Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Fadzli bin Adam, berkata dalam era yang serba pantas ini, teknologi canggih seperti kecerdasan buatan (AI), analisis data besar, teleperubatan, robotik, dan sistem pintar bukan lagi kemungkinan jauh, tetapi sedang mentakrifkan semula landskap penyampaian penjagaan kesihatan moden.

“Kita kini berada di persimpangan kritikal di mana teknologi-teknologi ini akan mempertingkatkan penjagaan pesakit, memperkukuh pengambilan keputusan klinikal, dan meningkatkan penghantaran perkhidmatan di setiap peringkat sistem”

“Adalah satu penghormatan besar bagi HoSZA untuk menjadi tuan rumah bagi Konferens Kebangsaan KHUAM Ke-7. Saya dengan sukacitanya mengalu-alukan kehadiran semua pembentang, peserta, penaja, dan tetamu ke konferens yang bermakna ini”, katanya pada majlis berkenaan.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pro Canselor UniSZA, Y.M. Tunku Datuk Nooruddin Tunku Dato' Seri Shahabuddin.

Turut hadir Ketua Penolong Pengarah

Seksyen Tata Kelola, Bahagian Governan Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi, Encik Ahmad Rujhan bin Abu Seman @ Othman, Pengerusi Konsortium Hospital Universiti Awam Malaysia (KHUAM), Profesor Dr. Nazirah Hasnan, Pengarah HoSZA, Prof. Madya Dr. Salwani Ismail, barisan Pengurusan Tertinggi UniSZA serta Pengarah-pengarah Hospital Universiti Awam Malaysia.

Konferens ini berlangsung pada 5-6 Oktober 2025 di Primula Beach Hotel, Kuala Terengganu, dengan penyertaan 400 peserta daripada pelbagai latar belakang profesional.

Program ini bertujuan untuk menyediakan peluang bagi pertukaran pengetahuan dan perkongsian amalan terbaik, serta membuka ruang untuk kerjasama antara institusi pengajian tinggi, hospital pengajaran, agensi kerajaan, dan industri dalam membentuk arah masa depan penjagaan kesihatan yang dipacu inovasi.



HOSPITAL MESRA SYARIAH: MENYULAM NILAI ISLAM DALAM DUNIA PERUBATAN MODEN

4 OKTOBER 2025 | KUALA NERUS

Kuala Nerus | 4 Oktober 2025: Bertempat di Dewan Auditorium Al-Zahrawi, bengkel bertemakan “Shariah-Friendly Hospital” telah diadakan sebagai sebahagian daripada KHUAM Pre-Conference 2025. Program ini menghimpunkan para profesional kesihatan, ahli akademik dan penggubal dasar bagi membincangkan bagaimana prinsip Maqasid al-Syariah dapat diterjemahkan dalam sistem penjagaan kesihatan moden.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah HoSZA, Prof. Madya Dr. Salwani binti Ismail, yang menegaskan pentingnya keseimbangan antara kecemerlangan klinikal dan nilai kemanusiaan. Program turut diserikan dengan kehadiran Sahibus Samahah Dato’ Dr. Mohamad Sabri Haron, Mufti Negeri Terengganu, yang menyampaikan Syarahan Perdana bertajuk “Healthcare Through the Lens of Maqasid al-Shariah.” Dalam syarahan tersebut, beliau menekankan bahawa penjagaan kesihatan merupakan satu amanah besar dalam memelihara lima maqasid utama iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Perbincangan diteruskan dengan pembentangan oleh tokoh-tokoh terkemuka dalam bidang masing-masing. Prof. Dr. Harmy Mohamed Yusof, Dekan Fakulti Perubatan UniSZA, menjelaskan bagaimana prinsip syariah dapat dijadikan panduan dalam membuat keputusan klinikal dan membina budaya kerja yang beretika. Ustazah Asma’ Amatullah Hasanudin, pakar Islamic Chaplaincy dari AQWA Training & Consultancy, pula berkongsi pengalaman tentang peranan penjagaan spiritual dalam membantu pesakit menghadapi ujian kesakitan dengan reda dan ketenangan. Sementara itu, Encik Taqfir Akramin Khalib, pengamal undang-undang dan pakar isu medico-legal, menghuraikan cabaran semasa yang dihadapi oleh pengamal perubatan Muslim dalam menyeimbangkan tuntutan undang-undang dengan nilai agama.

Sebagai kemuncak, satu forum profesional bertajuk “Navigating Professional Ethics in Muslim Healthcare: Bridging Medicine, Faith and Law” telah dikendalikan oleh Dr. Tengku Abdul Kadir Tengku Zainal Abidin, Pakar Anestesiologi HoSZA. Forum tersebut mengupas secara mendalam persoalan integriti, empati dan tanggungjawab moral dalam profesion kesihatan, khususnya dalam konteks masyarakat Islam masa kini.

Lebih daripada sekadar wacana akademik, bengkel ini menjadi titik tolak kepada transformasi budaya kerja hospital, daripada sekadar memberi rawatan kepada membina ruang kesembuhan yang berteraskan nilai Islam. Dengan penganjuran bengkel ini, HoSZA bersama UniSZA memperkukuh langkah ke arah pembangunan sistem kesihatan Islamik yang menyeluruh, berasaskan ilmu, etika dan nilai kemanusiaan sejagat.



PROGRAM FIRST AID AQUATIC LIFE SUPPORT (FA AQLS) TELAH DIADAKAN BERSEMPENA KHUAM PRE-CONFERENCE 2025

4 OKTOBER 2025 | KUALA NERUS

Telah selesai pembedahan pertama kes Neurosurgeri Osteoma Excision by Coronal Incision with Calvarial Bone Grafting yang dijalankan di Neurosurgery Operation Suite.

Pembedahan ini diketuai oleh Pakar Perunding Kanan Neurosurgeri, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi bin A.Latif yang merupakan Pengarah HoSZA, dibantu oleh Pakar Bedah Dr. Nur Hayati binti Abd Samad, Pegawai Perubatan Dr. Ahmad Asyraf Hafiz dan staf Dewan Bedah yang diketuai oleh jururawat En. Shuieb bin Abdullah, dibantu oleh jururawat Maizatul Azlina bt Mohd Ramli dan Nurul Akmal bt Ramlee.

Terima kasih dan syabas diucapkan kepada semua yang terlibat terutamanya Jabatan Anaesthesiologi & Rawatan Intensif yang diketuai oleh Dr. Abdul Karim bin Othman (Ketua Jabatan Anaesthesiologi dan Rawatan Intensif), Dr. Tengku Abdul Kadir bin Tengku Zainal Abidin (Pakar Anaesthesiologi) dan dibantu oleh Dr. Azhar Faruqi bin Mohd Rasan



LAWATAN MESRA NAIB CANSELOR UNISZA

7 OKTOBER 2025 | KUALA NERUS

Pada hari ini, Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), YBhg. Prof. Dato' Dr. Fadzli Adam, telah menziarahi staf-staf UniSZA yang sedang menerima rawatan di Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA).

Kunjungan ini mencerminkan keprihatinan dan komitmen beliau terhadap kebajikan warga UniSZA, selain menjadi suntikan semangat kepada staf yang diuji dengan kesihatan.

Semoga semua yang diziarahi dikurniakan kesembuhan dan kekuatan untuk kembali berkhidmat seperti sediakala.



13 OKTOBER 2025 | KUALA NERUS



Majlis perasmian Pengoperasian Klinik Warga UniSZA di HoSZA telah disempurnakan oleh Pengarah HoSZA, Prof. Madya Dr. Salwani bt Ismail. Turut hadir, Prof. Madya Dr. Nik Ahmad Shaiffudin bin Nik Him, Timbalan Pengarah (Klinikal); En. Ahmad Termizi bin Ab. Aziz, Timbalan Pengarah (Pengurusan); serta ketua-ketua jabatan dan unit yang turut memeriahkan majlis.

Klinik Warga kini dibuka kepada semua staf UniSZA dan tanggungan (tidak termasuk ibu bapa). Semua kes pesakit luar diterima melalui janji temu tanpa memerlukan surat rujukan **KECUALI** bagi kes ibu mengandung, kes kecemasan, atau kes yang memerlukan prosedur seperti toilet and suturing, dressing dll.

Untuk janji temu, sila hubungi 09-665 5555 (samb. 2438). Janji temu akan diberikan pada hari yang sama atau pada tarikh lain bergantung kepada kekosongan slot.

Lokasi: Kompleks Ibnu Sina, Aras 2, Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA).

SAMBUTAN WORLD ANAESTHESIA DAY 2025

6 OKTOBER 2025 | KUALA NERUS

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua warga Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA), pelajar, serta orang awam yang telah memeriahkan sambutan World Anaesthesia Day 2025 anjuran Jabatan Anestesiologi & Rawatan Rapi, HoSZA dan AICAS pada 14 Oktober 2025.

Sambutan dan penglibatan aktif pengunjung dalam aktiviti seperti Operation Theatre Simulation, Photobooth, Airway & BLS Booth, Regional Anaesthesia Booth, serta Drug Safety Booth telah menjadikan program ini satu kejayaan yang bermakna.



Pasukan Mamogram Bergerak Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA) telah turut serta dalam Program Festival of Ideas yang berlangsung selama tiga hari, dari 17 hingga 19 Oktober 2025, bertempat di Stadium Negeri Gong Badak, Terengganu.

Penyertaan ini bertujuan meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan pemeriksaan awal kanser payudara serta memberi peluang kepada pengunjung untuk mendapatkan khidmat saringan mamogram secara percuma.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua petugas atas komitmen, dedikasi dan semangat yang tinggi sepanjang program ini.



PERJUMPAAN PEGAWAI HOSPITAL MESRA SYARIAH & PENYELIA SURAU HOSZA **22 OKTOBER 2025 | KUALA NERUS**

PERJUMPAAN PEGAWAI HOSPITAL MESRA SYARIAH & PENYELIA SURAU HoSZA
22 Oktober 2025 (Rabu)

2.30 petang

Bilik Seminar Ibn Ridwan Al-Misri, Jabatan Perubatan Pengimejan

Satu pertemuan bersama semua Pegawai Hospital Mesra Syariah dan Penyelia Surau telah diadakan bagi menyelaraskan pelaksanaan inisiatif Hospital Mesra Syariah (HMS) di peringkat jabatan masing-masing.

Sesi ini turut menjadi platform perkongsian maklumat dan pengukuhan tanggungjawab dalam memastikan pelaksanaan HMS berjalan dengan lebih tersusun, berkesan dan berterusan.



HOSZA UNISZA TERIMA SUMBANGAN WAKAF UNTUK TABUNG KEBAJIKAN PESAKIT HOSPITAL SULTAN ZAINAL ABIDIN

1 NOVEMBER 2025 | KUALA NERUS

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Eco Twin Step Sdn. Bhd. dan Emas Cempaka Sdn. Bhd. atas sumbangan masing-masing sebanyak RM50,000.00 kepada Tabung Kebajikan Pesakit Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA).

Majlis penyerahan sumbangan ini diadakan sempena Majlis Hi-Tea Diraja bersempena Majlis Idul Ilmi Konvokesyen UniSZA ke-17 yang berlangsung di Dewan Konvensyen, Taman Tamadun Islam (TTI), Kuala Terengganu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Terengganu, Sultanah Nur Zahirah, yang juga Tuanku Canselor UniSZA, berkenan menerima persembahan sumbangan tersebut. Turut berangkat ke majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Yang Di-Pertuan Muda Terengganu dan Yang Amat Mulia Tengku Puteri Daulath Raja.

Menjunjung Kasih Tuanku

Semoga sumbangan ini menjadi pemangkin kepada usaha murni dalam membantu pesakit yang memerlukan serta memperkukuh budaya wakaf dan kebajikan di UniSZA. Terima kasih penyumbang budiman.



KURSUS BANTUAN HAYAT ASAS DALAM KALANGAN KOMUNITI KUALA NERUS | 4 NOVEMBER 2025

Jabatan Perubatan Dalaman dengan kerjasama Jabatan Kecemasan & Trauma telah menganjurkan program Cardio-Pulmonary Resuscitation (CPR) For Community atau singkatannya C4C, sebagai salah satu program Komuniti KPT Prihatin Madani. Program ini merupakan kesinambungan kepada program C4C yang pernah diadakan pada tahun 2022.

Program ini telah berlangsung di Auditorium Al-Zahrawi pada 4 November 2025, dan telah dirasmikan oleh Prof.Madya Dr Nik Ahmad Shaiffudin bin Nik Him, Timbalan Pengarah (Klinikal).

Peserta-peserta program C4C pada kali ini terdiri daripada wakil-wakil Masjid UniSZA, Masjid Darat Batu Rakit, Masjid Kubang Parit, Masjid Bukit Kandis, Masjid Gong Pok Jin, Masjid Baru Tok Jembal, Masjid Jamek Pantai Tok Jembal, Masjid Nur Bakti Wakaf Tembesu, Masjid Seberang Takir, Institut Perguruan Kampus Dato' Razali Ismail, serta pelajar-pelajar dari Fakulti Perubatan UniSZA.

Objektif program ini diadakan adalah untuk menyampaikan maklumat mengenai tatacara CPR secara teori kepada peserta kursus selain untuk menyediakan latihan praktikal teknik CPR.

Penilaian penguasaan teori dan praktikal juga diadakan terhadap peserta terlibat.



BENGKEL PEMBANGUNAN FASA 2 HOSPITAL SULTAN ZAINAL ABIDIN (HOSZA) SIRI 1 KUALA NERUS | 10 NOVEMBER 2025

Hospital Sultan Zainal Abidin telah mengadakan Bengkel Pembangunan Fasa 2 bagi mendapatkan input keperluan klinikal dan bukan klinikal sebagai persediaan ke arah pelaksanaan pembangunan Fasa 2 HoSZA. Sesi pada waktu pagi memberi tumpuan kepada perbincangan mengenai penambahan 200 katil dan keperluan wad dan klinik baru, manakala sesi petang menumpukan kepada konsep pembangunan kompleks komersial.

Bengkel ini merupakan siri pertama daripada beberapa siri bengkel yang akan diadakan bagi memperincikan perancangan menyeluruh pembangunan HoSZA Fasa 2, ke arah memperkukuh kapasiti, kemudahan, dan mutu perkhidmatan kesihatan untuk masyarakat.



18 NOVEMBER 2025 | KUALA NERUS

Mesyuarat Majlis Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA) Bil. 2/2025 telah berlangsung pada 18 November 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Al-Razi, HoSZA. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Fadzli bin Adam, Naib Canselor UniSZA.

Turut hadir, YBhg. Dato' Indera Dr. Nor Azimi binti Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Kementerian Kesihatan Malaysia dan Encik Mohamad Irza bin Dahari, Pengarah Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat, Jabatan Pendidikan Tinggi yang juga merupakan Ahli Majlis HoSZA. Usai mesyuarat, sesi penyerahan surat lantikan telah disampaikan kepada ahli-ahli Majlis HoSZA.

YBhg. Dato' Indera Dr. Nor Azimi binti Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Kementerian Kesihatan Malaysia turut berkesempatan melawat Jabatan Kecemasan & Trauma.

HoSZA sentiasa komited dalam menggerakkan transformasi perkhidmatan kesihatan menerusi kepakaran, kerjasama dan dedikasi seluruh warganya.



DIET 'DASH' UNTUK PESAKIT DARAH TINGGI

Dietary Approaches to Stop Hypertension (DASH) adalah pelan pemakanan yang direka khusus untuk membantu individu mengawal tekanan darah tinggi. Diet ini menekankan pengambilan makanan berasaskan tumbuhan seperti buah-buahan, sayur-sayuran, bijirin penuh, dan kekacang, sambil mengurangkan pengambilan daging merah, gula, garam, dan lemak tepu.

Manfaat Diet DASH

Diet DASH dapat membantu mengawal tekanan darah dengan mengurangkan pengambilan natrium (garam) serta meningkatkan pengambilan nutrien penting seperti kalium, kalsium, dan magnesium. Kajian menunjukkan bahawa individu yang mengamalkan diet ini dapat melihat penurunan tekanan darah dalam tempoh dua minggu. Selain itu, diet ini juga menekankan makanan rendah lemak dan tinggi serat, yang membantu dalam pengurusan berat badan serta mengurangkan risiko komplikasi berkaitan hipertensi.

Panduan Pemakanan untuk Pesakit Hipertensi

Untuk mendapatkan manfaat maksimum daripada diet DASH, pesakit hipertensi disarankan untuk:

- I. Mengurangkan pengambilan garam – Pilih makanan segar dan elakkan makanan diproses yang tinggi natrium. Gunakan herba dan rempah sebagai pengganti garam dalam masakan.
- II. Mengamalkan bijirin penuh – Makanan seperti oat dan barli kaya dengan serat larut, yang membantu menurunkan paras kolesterol serta tekanan darah.
- III. Meningkatkan pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran – Contohnya, pisang kaya dengan kalium, yang membantu mengimbangi kesan natrium dalam badan.
- IV. Memilih sumber protein yang lebih sihat – Ambil protein rendah lemak seperti ikan, ayam tanpa kulit, kekacang, dan produk tenusu rendah lemak.
- V. Mengawal pengambilan lemak tepu dan gula – Kurangkan makanan bergoreng, makanan segera, dan minuman manis yang boleh meningkatkan risiko penyakit jantung dan obesiti.

Langkah Mudah untuk Mengamalkan Diet DASH

Untuk memudahkan pelaksanaan diet ini, beberapa langkah boleh diambil:

- i. Ubah suai hidangan kegemaran kepada versi lebih sihat – Contohnya, gantikan santan dengan susu rendah lemak atau minyak zaitun sebagai alternatif kepada minyak masak biasa.
- ii. Sediakan hidangan yang seimbang – Gabungkan pelbagai jenis makanan dalam satu hidangan untuk memastikan pengambilan nutrien yang mencukupi.
- iii. Gunakan kaedah memasak yang lebih sihat – Pilih teknik memasak seperti stim, rebus, panggang, atau bakar untuk mengekalkan nutrien makanan.

Kesimpulan

Diet DASH merupakan salah satu pendekatan terbaik dalam pengurusan tekanan darah tinggi. Dengan mengamalkan pemakanan yang sihat, pesakit hipertensi bukan sahaja dapat mengawal tekanan darah, tetapi juga mengurangkan risiko komplikasi kesihatan seperti penyakit jantung dan strok. Langkah kecil dalam pemilihan makanan harian boleh memberi kesan besar terhadap kesihatan jangka panjang.



KEPENTINGAN PENGAMBILAN AIR MINERAL TERHADAP TUBUH BADAN

Air adalah salah satu komponen paling penting dalam kehidupan manusia. Sekitar 60-70% daripada tubuh manusia terdiri daripada air, dan setiap sel dalam badan memerlukan air untuk berfungsi dengan baik. Oleh itu, pengambilan air mineral yang mencukupi setiap hari amat penting untuk menjaga kesihatan tubuh secara keseluruhan.

Manfaat Air Mineral terhadap Tubuh Badan

Pengambilan air mineral yang mencukupi memberikan pelbagai manfaat kepada tubuh, antaranya:

1. Mengatur Suhu Badan

Tubuh manusia memiliki mekanisme semula jadi untuk mengawal suhu badan melalui proses berpeluh. Ketika tubuh kehilangan cecair akibat berpeluh, air mineral membantu menggantikan cecair yang hilang, sekali gus memastikan suhu badan kekal stabil.

2. Melancarkan Sistem Pencernaan

Air mineral membantu melunakkan makanan yang masuk ke dalam sistem pencernaan, memudahkan proses penyerapan nutrien dan mengelakkan masalah seperti sembelit serta gangguan pencernaan lain.

3. Menyokong Fungsi Ginjal dan Detoksifikasi

Ginjal memainkan peranan penting dalam menyingkirkan toksin daripada tubuh melalui air kencing. Dengan pengambilan air yang mencukupi, proses detoksifikasi dalam badan menjadi lebih efisien.

4. Menjaga Keseimbangan Elektrolit

Air mineral mengandungi elektrolit penting seperti natrium, kalium, dan magnesium, yang membantu mengekalkan keseimbangan cecair badan, fungsi otot, serta transmisi impuls saraf.

5. Meningkatkan Fungsi Otak

Sebahagian besar otak manusia terdiri daripada air. Kekurangan air boleh menyebabkan dehidrasi, yang boleh menjejaskan konsentrasi, daya ingatan, serta kestabilan emosi. Pengambilan air mineral yang mencukupi membantu otak berfungsi secara optimum.

